



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனர்களர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Media**

**2 Jun 2020**

## **Ke arah sektor pergigian bebas-merkuri di Malaysia**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan persekutuan untuk mempercepat penggubalan peraturan untuk menghentikan penggunaan amalgam dalam sektor pergigian. Pada tahun 2013, Konvensyen Minamata berkaitan Merkuri telah dirangka dan diterimapakai setelah negara-negara mengadakan rundingan berikutan kebimbangan terhadap kesan merkuri kepada kesihatan awam dan alam sekitar. Malaysia merupakan di antara negara yang menandatangani Konvensyen ini.

Amalgam pergigian mengandungi kira-kira 50% merkuri. Salah satu peruntukan utama Konvensyen Minamata adalah untuk mengurangkan secara berperingkat (*phase down*) penggunaan amalgam dalam sektor pergigian.

CAP menyambut baik langkah yang diambil kerajaan Filipina dalam usaha mereka untuk fasa keluar amalgam pergigian. Pada 14 Mei 2020, kerajaan Filipina telah mengeluarkan Perintah Pentadbiran - "Administrative Order" (AO) yang merangkumi garis panduan untuk fasa keluar daripada penggunaan amalgam dalam prosedur pemulihan pergigian. Penguatkuasaan AO tersebut pada 29 Mei ini bermakna pengimportan merkuri untuk tujuan prosedur pemulihan pergigian dan kapsul amalgam pergigian telah diharamkan di Filipina. AO ini juga dengan segera memberhentikan penggunaan amalgam pergigian untuk kanak-kanak di bawah umur empat belas tahun, wanita hamil dan ibu yang menyusui.


Negara Filipina, dan Nepal sebelum ini, telah mencatatkan duluan (*precedent*) di mana CAP berharap Malaysia akan turuti. Kesatuan Eropah telah pun memberhentikan penggunaan amalgam untuk kanak-kanak, wanita hamil dan ibu yang menyusui di samping mengambil tindakan tambahan untuk melindungi mereka daripada kesan-kesan pencemaran merkuri pergigian dengan tindakan fasa keluar segala penggunaan amalgam.

Malaysia berpotensi menuju ke arah fasa keluar amalgam pergigian kerana sudah pun mengambil tindakan untuk penurunan secara berperingkat sejak beberapa tahun yang lalu. Dalam masa yang sama, kebanyakan kolej pergigian swasta telahpun menukar kurikulum mereka untuk mengajar pemulihan alternatif tanpa menggunakan amalgam. Hospital swasta juga menggunakan pemulihan alternatif dan ibu bapa sering menggesa untuk pergigian bebas-merkuri untuk anak-anak mereka.

CAP sedar tentang kekangan yang meliputi penggunaan amalgam pergigian terutamanya kepada sektor kerajaan seperti kos dan keberkesanan penggunaan alternatif. Namun demikian kami berpandangan langkah tegas dan segera perlu diambil untuk menghentikan penggunaan amalgam pergigian. Sebagai permulaan, kerajaan harus mengeluarkan arahan untuk menghentikan penggunaan amalgam pergigian untuk kanak-kanak di bawah umur empat belas tahun, wanita hamil, ibu yang menyusui dan mereka

yang mengalami masalah ginjal dan imuniti kerana mudah terancam kepada kesan daripada penggunaan amalgam.

CAP menyeru kerajaan Malaysia untuk meratifikasikan Konvensyen Minamata dan Kementerian Kesihatan untuk mempercepatkan penggubalan undang-undang bagi memberhentikan penggunaan amalgam pergigian. Negara Filipina dan Nepal telah mengorakkan langkah untuk transisi kepada negara bebas-merkuri terutamanya di sektor pergigian dan boleh dicontohi oleh Malaysia.



Mohideen Abdul Kader  
Presiden  
Persatuan Pengguna Pulau Pinang